

UCAPAN YANG DI-PERTUA BAKTI  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI MAJLIS PENUTUP PERTANDINGAN BADMINTON  
BAKTI, DI DEWAN BADMINTON SELANGOR  
KUALA LUMPUR, PADA HARI AHAD  
PADA HARI AHAD, 31HB. MAC, 1985  
PUKUL 5.00 PETANG

---

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Suhailah,  
Pengasas BAKTI;

Yang Amat Berbahagia, Tun Hajjah Rahah;

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Naraishikin,  
Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sukan;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan dan para peserta sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana di atas limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di sini untuk menyaksikan acara penyampaian hadiah sempena tamatnya Pertandingan Badminton BAKTI. Saya juga bersyukur kerana Pertandingan ini telah memberi kesempatan kepada kita semua bukan sahaja untuk bermain tetapi juga untuk bermesra di antara satu sama lain. Dalam hal ini, boleh dikatakan BAKTI telah berjaya mencapai matlamatnya, iaitu menjemput ahli-ahli Persatuan di peringkat negeri untuk bertanding di samping mengeratkan lagi perasaan persahabatan dan kejiranan antara Persatuan ini dengan yang lain-lain.

2. BAKTI mengakui bahawa Pertandingan ini tidak akan mencapai kejayaannya tanpa sambutan dan sokongan baik daripada badan-badan dan persatuan-persatuan isteri di peringkat negeri. Saya faham bahawa para pemain telah menghadapi berbagai-bagai masalah untuk datang ke Kuala Lumpur, tetapi oleh kerana keazaman dan semangat puan-puan yang kuat maka masalah-masalah ini telah dapat diatasi.

Para hadirin sekalian,

3. Bagi pihak BAKTI, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pasukan badminton yang telah bersusah payah datang daripada jauh dan dekat. Kehadiran penyokong-penyokong dan penyertaan puan-puan jelas membuktikan keinginan puan-puan untuk bermesra, bersahabat melalui sukan.

4. Kepada pasukan . . . . . yang telah berjaya menjadi johan dalam Pertandingan Badminton untuk merebut Piala Pusingan Toh Puan Suhailah saya ucapkan syabas dan tahniah. Sudah menjadi kelaziman bahawa pasukan yang kuat dan cergas biasanya akan berjaya. Dan Kejohanan ini telah dimenangi oleh pasukan yang memang sepatutnya menang.

5. Bagi pasukan yang telah tewas pula, saya berharap mereka tidak akan berasa kecewa atau putus asa kerana Piala Toh Puan Suhailah ini merupakan piala pusingan dan peluang serta harapan puan-puan untuk merebutnya pada masa depan adalah cerah. Ini adalah kerana penyertaan puan-puan dalam Kejohanan dua hari ini akan menjadi satu pengalaman serta kenangan yang manis untuk dibawa pulang. Piala Toh Puan Suhailah adalah satu insentif bagi puan-puan supaya lebih cergas dan meninggikan keazaman untuk merebut Piala ini pada tahun akan datang.

6. BAKTI ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada beberapa pihak

tertentu yang telah turut sama bersusah payah menjayakan Kejohanan selama dua hari ini. Tanpa pertolongan dan sokongan serta bantuan mereka Pertandingan Badminton BAKTI ini tidak akan dapat diadakan, diteruskan dan tamat dengan jayanya.

7. BAKTI juga menyanjung tinggi sumbangan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah, yang merupakan sebuah piala. Sebagai menghargai jasa baik Yang Amat Berbahagia sebagai pengasas BAKTI maka amatlah wajar piala pusingan ini dinamakan Piala Pusingan Toh Puan Suhailah. BAKTI juga mengucapkan terima kasih kepada Toh Puan yang telah sudi hadir untuk menyampaikan Piala ini kepada pasukan yang menjadi johan.

8. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada PERNAS Trading atas sumbangan bulu tangkis, kepada McDonalds, Nestle dan Yang Berbahagia Datin Helen kerana menyediakan makanan dan minuman sepanjang Kejohanan dua hari ini berlangsung dan kepada The News Strait Times Press (M) Bhd atas sumbangan Buku Cenderamata.

9. Tidak lupa juga saya ucapkan berbanyak terimakasih kepada para pengadil dan para pegawai lain yang telah membantu BAKTI daripada mula hingga akhir pertandingan ini berlangsung. Begitu juga saya tidak lupa kepada pertolongan dan kerjasama daripada ahli-ahli BAKTI yang bukan sahaja telah bermain tetapi menyumbangkan pula tenaga, wang dan sebagainya secara sukarela.

10. Saya percaya Pertandingan Badminton ini tidak akan dapat dijalankan dengan sempurna tanpa usaha kuat Toh Puan Noraishikin sendiri. Sebagai pemain badminton yang handal dalam mengaturkan permainannya beliau juga mempunyai kecekapan serta kebolehan yang sama dalam menganjurkan pertandingan seperti ini. Bagi pihak BAKTI, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada

Toh Puan Noraishikin atas kejayaan beliau mengelolakan pertandingan ini dan menjemput kita semua pula ke Jamuan Mesra malam ini di kediaman beliau.

Para hadirin sekalian,

11. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan selamat pulang kepada pasukan-pasukan jemputan. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan selamatkan perjalanan balik dan insya-Allah kita akan berjumpa lagi pada tahun depan.

\*\*\*\*\*